



**The Sarawak Museum Journal**  
**Vol. LXII No. 83**  
**December 2006**



**ISSN: 0375-3050**  
**E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Chong Shin. (2006). Bahasa Iban dan Dialek Melayu di Saribas, Sarawak. The Sarawak Museum Journal, LXII (83): 85-106

## BAHASA IBAN DAN DIALEK MELAYU DI SARIBAS, SARAWAK<sup>1</sup>

Chong Shin

### PENGENALAN

Sungai Sarawak terletak di Bahagian Kedua (Bahagian Sri Aman), Sarawak; lihat peta 1. Sungai ini berliku-liku, (panjang kira-kira 110 km) dan mengalir dari pedalaman timur Borneo ke Laut China Selatan. Terdapat empat anak sungai yang mengalir ke Sungai Saribas iaitu Sungai Undai, Rimbas, Paku dan Batang Layar. Seperti Batang Lutar dan Sungai Sadong, Sungai Saribas mempunyaimuara yang tirus; sangat berbeza denganmuara Sungai Rejang atau Sungai Baram yang berdelta luas (Jackson, 1976: 12-13). Ringkasnya, Sungai Saribas sangat lebar dan dalam sehingga ke bahagian hulu malah ikan Lumba-lumba dapat dijumpai jauh dari persisiran (Collins, 2000: 4). Di bahagian hilir Lembah Saribas, bentuk muka bumiya adalah berlumpur dan berpaya. Terdapat sebidang kawasan lumpur yang sepanjang beberapa kilometer persegi di muara sungai tersebut. Muara sungai yang cetek dan panjang ini sering mengakibatkan sejenis ombak yang kuat, tinggi dan deras, iaitu [ben'a] dan amat berbahaya kepada perahu kecil (Pringle, 1970). Berabad-abad lamanya kawasan Saribas telah terkenal sebagai kawasan lanun yang sering menyerang kapal-kapal di persisiran Borneo disebabkan faktor geografi ini. Pada zaman pemerintahan Rajah Brooke<sup>2</sup>, Saribas pula dijadikan sebagai benteng oleh penentang pemerintahan Brooke terutamanya orang Iban dan Melayu; lihat Keppel (1846).

# BAHASA IBAN DAN DIALEK MELAYU DI SARIBAS, SARAWAK<sup>1</sup>

oleh


Chong Shin

## PENGENALAN

Sungai Saribas terletak di Bahagian Kedua (Bahagian Sri Aman), Sarawak; lihat Peta 1. Sungai ini berliku-liku, panjang (kira-kira 110 km) dan mengalir dari pedalaman timur Borneo ke Laut China Selatan. Terdapat empat anak sungai yang mengalir ke Sungai Saribas iaitu Sungai Undai, Rimbas, Paku dan Batang Layar. Seperti Batang Lupar dan Sungai Sadong, Sungai Saribas mempunyai muara yang tirus; sangat berbeza dengan muara Sungai Rejang atau Sungai Baram yang berdelta luas (Jackson, 1976: 12-13). Ringkasnya, Sungai Saribas sangat lebar dan dalam sehingga ke bahagian hulu: malah ikan Lumba-lumba dapat dijumpai jauh dari persisiran (Collins, 2000: 4). Di bahagian hilir Lembah Saribas, bentuk muka bumiannya adalah berlumpur dan berpaya. Terdapat sebidang kawasan lumpur yang sepanjang beberapa kilometer persegi di muara sungai tersebut. Muara sungai yang cetek dan panjang ini sering mengakibatkan sejenis ombak yang kuat, tinggi dan deras, iaitu [ben'a'] dan amat berbahaya kepada perahu kecil (Pringle, 1970). Berabad-abad lamanya kawasan Saribas telah terkenal sebagai kawasan lanun yang sering menyerang kapal-kapal di persisiran Borneo disebabkan faktor geografi ini. Pada zaman pemerintahan Rajah Brooke<sup>2</sup>, Saribas pula dijadikan sebagai benteng oleh penentang pemerintahan Brooke terutamanya orang Iban dan Melayu; lihat Keppel (1846).

Kumpulan etnik Iban, Melayu dan Cina adalah tiga penghuni utama di Lembah Saribas. Orang Iban merupakan penduduk majoriti, diikuti oleh Melayu dan Cina. Kebanyakan orang Iban tinggal di rumah panjang di kawasan hulu Sungai Saribas dan anak-anak sungainya. Selain itu, orang Iban turut tersebar di kawasan hilir

sungai. Secara purata, orang Iban di Saribas adalah petani. Pelbagai aktiviti ekonomi diusahakan oleh mereka seperti menanam padi, lada, getah dan sebagainya. Golongan muda Iban bekerja sebagai buruh di bandar-bandar lain seperti Kuching dan Sibu. Orang Melayu pula tinggal di kampung-kampung di bahagian hilir Saribas. Pekan Betong dikenalpasti sebagai kawasan paling hulu di Saribas yang mempunyai penduduk Melayu; lihat Peta 1. Kebanyakan perkampungan Melayu di Saribas hanya dapat dikunjungi dengan menggunakan jalan air. Namun demikian, kampung-kampung seperti Pusa', Debak, Dit, Serabang, Beladin dan Semarang sudahpun dihubungi dengan jalan darat. Pertanian juga adalah aktiviti ekonomi orang Melayu yang utama. Penduduk di bahagian hilir terutamanya penduduk di Kampung Beladin terlibat dalam aktiviti perikanan. Penduduk Cina di Lembah Saribas pada umumnya adalah peniaga dan kedudukan mereka tertumpu di pekan-pekan seperti Betong, Debak, Spaoh, Pusa' and Maludam. Komuniti ini terdiri daripada pelbagai sub-etnik seperti Hokkien, Foochow, Hakka, Teochew.



Peta 1: Lembah Saribas (dan kawasan-kawasan kajian).